BPA/KesAm

Majlis Perbandaran Sungai Petani
Jabatan Kesihatan
Tingkat 3, Kompleks Pejabat MPSPK,
08000 Sungai Petani, Kedah.
No. Tel. : 04 - 4296666 samb. 6738/6843

# BORANG PERMOHONAN LESEN ANJING

**SENARAI SEMAK**

1. Gambar penuh anjing yang dipelihara ☐
2. Gambar pemohon atau pemunya anjing ☐
3. Salinan kad pengenalan pemohon ☐
4. Gambar sekitar premis ☐
5. Gambar lokasi rumah anjing ☐
6. Surat pemeriksaan Doktor Veterinar / sijil dari Jabatan Haiwan ( jika perlu ) ☐
7. Surat pandangan jiran( jika perlu ) ☐

## A. BUTIR - BUTIR PEMOHON

Nama Pemohon :___________________________

Alamat Premis :___________________________
___________________________
___________________________

No. Telefon : ___________________________

No. K/P : ___________________________

## B. BUTIR - BUTIR ANJING

1. Jumlah yang dipelihara : ☐ 1ekor ☐ 2ekor

1. Jantina : ☐ Jantan ☐ Jantan ☐ Betina ☐ Betina

2. Warna :___________________________
___________________________
3. Baka :___________________________
___________________________
4. Umur :___________________________

## C. TEMPAT ANJING DIPELIHARA

1. Luas kawasan luar rumah / premis:
_________________________________ mps

2. Jenis Bangunan
   a. Rumah sesebuah (banglo) ☐
   b. Rumah berkembar(Semi-D) ☐
   c. Rumah teres Lot Hujung (Corner Lot) ☐
   d. Rumah teres Lot Tepi (End Lot) ☐
   e. Rumah teres Lot Tengah(Intermidiate) ☐
   f. Cluster ☐
   g. Kilang Sesebuah/ Kelab Eksekutif ☐
   h. Lain - lain sila nyatakan: ☐
   _____________________________

## D. PENGAKUAN PEMOHON

Saya mengaku / mematuhi syarat untuk mendapatkan lesen anjing seperti senarai yang dilampirkan bersama borang permohonan ini.

......................... ......................................
Tarikh Tandatangan Pemohon

## SYARAT - SYARAT UNTUK MENDAPATKAN LESEN ANJING

1. Anjing yang berumur tiga ( 3 ) bulan ke atas perlu mendapatkan lesen daripada Majlis Perbandaran Sungai Petani.
2. Anjing jenis Rottweiler tidak dilarang untuk dipelihara tetapi pemilik perlu mendapatkan pengesahan kesihatan fizikal haiwan daripada Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Muda sebelum dilesenkan oleh PBT. Syarat mendapatkan borang khas ini bagi permohonan baru sahaja. Bagi pemilik sedia ada yang telah mempunyai lesen boleh terus memperbaharuinya sehingga anjing tersebut mati.
3. Pemunya anjing hendaklah :-
   i. Jika anjing peliharaan berpenyakit, pihak tuan/puan perlu mengambil tindakan segera untuk membolehkan anjing itu diperiksa dan dirawat oleh seorang doktor veterina. Anjing itu tidak boleh dibiarkan dan dipelihara di premisnya melainkan anjing itu telah diperiksa dan berada dibawah pengawasan rawatan seorang doktor veterinar.
   ii. Menyelenggara rumah anjing di kawasan rumah, dimana anjing di tempatkan dalam keadaan cuci dan bersih supaya tidak menimbulkan kacauganggu kepada jiran-jiran dipersekitaran.
   iii. Membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing itu, mengikut apa-apa cara yang tidak menyebabkan kesalahan/ kesusahan atau kacauganggu bau najis kepada jiran-jirannya.
   iv. Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak mengganggu, disebabkan salakan yang tidak berhenti-henti dan sebagainya kepada jiran-jirannya.
   v. Mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan anjing itu berikat dan dipakaikan sarung mulut apabila di bawa keluar daripada premis pemunya
   vi. Tidak boleh membawa anjing ke tempat - tempat awam untuk membuang najis.
   vii. Anjing tidak boleh dipelihara di tempat yang lebih tinggi daripada tingkat bawah mana-mana bangunan bertingkat.
4. Mana-mana anjing samada berlesen atau tidak sekiranya dijumpai lepas bebas, boleh ditangkap dan dibinasakan oleh **MAJLIS PERBANDARAN SUNGAI PETANI, KEDAH DARUL AMAN.**
5. Pemilik anjing boleh menuntut kembali anjing peliharaan yang ditangkap oleh Majlis dengan membuat bayaran denda RM 100.00 (bagi seekor).
6. Pemilik anjing yang berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakaikan lencana logam (lesen) kepada anjing itu secara kukuh mengikut apa-apa cara supaya boleh dilihat.
7. Jika lencana logam (lesen) didapati hilang, pemilik perlulah mendapatkan semula lencana logam yang baru dengan kadar harga RM 30.00 bagi seekor.
8. Segala peraturan tertakluk kepada undang - undang dan arahan Majlis deri masa ke semasa.
9. Sesiapa yang melanggar mana - mana Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing ( Majlis Perbandaran Sungai Petani ) 1995 ini, adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dihukum penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara kedua - duanya sekali.

**KADAR BAYARAN**

| ANJING (1 ekor) | KADAR BAYARAN(RM) LESEN & TAG |
|---|---|
| BIASA | 30.00 |
| DIMANDULKAN | 20.00 |

* Mana-mana anjing yang telah dimandulkan ; Sila kemukakan **Surat dari Doktor Veterinar** yang mengesahkan bahawa **anjing telah dimandulkan** .

** Lesen ini mula berkuatkuasa dari 01 Januari hingga 31 Disember .

LAMPIRAN

**SALINAN KAD PENGENALAN PEMOHON DAN GAMBAR PEMOHON**

Gambar pemohon

LAMPIRAN

**GAMBAR PENUH ANJING YANG DIPELIHARA**

**GAMBAR LOKASI RUMAH ANJING**

**GAMBAR SEKITAR PREMIS**